

# Maybank, Affin Bank dijangka bergabung

UM - 4 FEB 2003

Oleh KHAIRUDDIN MOHD AMIN

**K**UALA LUMPUR 3 Feb. — Penggabungan bank pusingan kedua dijangka bermula pada tahun ini dengan Malayan Banking Bhd. (Maybank), Hong Leong Bank Bhd. (Hong Leong Bank) dan Public Bank Bhd. (Public Bank) memulakan langkah awal itu.

Menurut seorang penganalisis, terdapat desas-desus pasaran mengatakan bahawa Maybank akan mengambil alih Affin Bank Bhd. (Affin Bank), manakala Hong Leong Bank pula akan bergabung dengan Public Bank berikutan persamaan budaya korporat.

"Penggabungan bank pusingan kedua akan bermula tahun ini, menyaksikan empat atau lima kumpulan perbankan yang tinggal apabila ia dilaksanakan sepenuhnya," katanya.

Pada 7 November lalu, Perdana Men-

teri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, kerajaan fleksibel mengenai bila pusingan kedua proses penggabungan sektor perbankan perlu diadakan.

Menurut Perdana Menteri, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM) Tan Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz menyebut 2005 merupakan tahun penggabungan bank pusingan kedua akan dilaksanakan, namun kerajaan tidak akan berkeras mengenai perkara tersebut.

Dr. Mahathir berkata, sebagai permulaannya kerajaan hanya mahu enam bank utama, tetapi disebabkan oleh kesukaran yang timbul, 10 bank teras diwujudkan.

Penganalisis itu berkata, penggabungan bank dijangka selesai pada 2005, selari dengan pelaksanaan liberalisasi sektor kewangan.

Menurutnya, keberkesanan operasi institusi perbankan dapat ditingkatkan

melalui penggabungan operasi bank komersial dan syarikat kewangan.

Menyentuh tentang tinjauan industri perbankan pada tahun ini, penganalisis itu berkata, pertumbuhan pinjaman adalah tidak seberapa berikutan sikap pengguna yang lebih berhati-hati.

Jelas beliau, pihaknya menjangka bank akan mengalami pertumbuhan pinjaman antara empat hingga lima peratus, hampir sama dengan jangkaan tahun lalu, iaitu 4.8 peratus.

Katanya, pada tahun ini bank perlu 'bekerja keras' bagi mengekalkan pertumbuhan pendapatan kerana mereka tidak lagi boleh bergantung kepada peruntukan kerugian pinjaman, seperti yang berlaku pada tahun lalu.

Oleh itu, tambah beliau, perkara-perkara yang membabitkan pembesaran asas pinjaman dan pendapatan daripada sumber bukan faedah akan diberi keutamaan pada 2003.